

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

SBU421 - Seminar Kependudukan dan Pembangunan

Masa: (3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Huraikan kesan perubahan demografi ke atas peranan dan status kaum wanita terutama wanita-wanita di negara-negara dunia ketiga.  
(25 markah)
  
2. Berdasarkan sebuah negara di Asia, bincangkan dasar kependudukan serta langkah-langkah sama ada secara langsung atau tidak langsung yang dapat mempengaruhi saiz penduduknya.  
(25 markah)
  
3. Apakah persoalan-persoalan berhubung dengan kependudukan dan pembangunan? Bincangkan pendekatan paling sesuai untuk menerangkan keadaan terdapat pada kebanyakan negara dunia ketiga pada hari ini.  
(25 markah)
  
4. "Sumbangan dari Lembaga Perancang Keluarga merupakan faktor utama menyebabkan menurunnya kadar kesuburan di negara ini selepas tahun 1966." Sejauhmana anda setuju dengan kenyataan ini.  
(25 markah)

5. Kematian bayi di Malaysia pada asasnya berbeza di antara negeri-negeri dan juga antara golongan ethnik yang terdapat di negara ini. Huraikan sebab-sebab utama yang telah menyumbangkan kepada perbezaan tersebut.  
(25 markah)
  
6. Migrasi merupakan proses penting dalam usaha untuk menaburkan semula ataupun untuk mengurangkan kepadatan penduduk di sesuatu kawasan. Berdasarkan pengalaman pada sesebuah negara yang anda tahu, sejauhmanakah dasar-dasar yang diamalkan oleh negara tersebut berjaya mencapai matlamatnya.  
(25 markah)
  
7. "Pertambahan penduduk sangat cepat dapat membantu dalam pembangunan ekonomi." Sejauhmanakah anda setuju dengan kenyataan ini berdasarkan pengalaman yang dialami oleh negara-negara di dunia ketiga.  
(25 markah)
  
8. Secara kritikal, bincangkan perubahan yang perlu diadakan terhadap institusi dan organisasi sosial bagi memenuhi keperluan orang-orang tua (60 tahun ke atas) yang jumlahnya semakin bertambah kesan dari kemajuan dalam bidang perubatan yang dicapai oleh negara ini.  
(25 markah)

- oo oo oo -